



Rujukan Kami: JUPEM 18/7/2.148 ( 78 )

Tarikh: 7 Julai 2005

## Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

### PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN

BIL. 7 TAHUN 2005

---

### KEWAJIPAN JURUUKUR TANAH BERLESEN

### MENGEMUKAKAN DATA BERDIGIT LOT- LOT YANG AKAN DIUKUR DI DALAM PELAN PRA-HITUNGAN

---

#### 1. TUJUAN

Pekeling ini bertujuan mengarahkan Juruukur Tanah Berlesen (JTB) mengemukakan data berdigit (*softcopy*) bagi lot-lot yang akan diukur pada pelan pra-hitungan di samping pelan pra-hitungan (*hardcopy*) kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri (PUPN).

#### 2. LATAR BELAKANG

2.1 JUPEM telah membangunkan Sistem Pengurusan Data Kadaster (SPDK) yang telah dilaksanakan di JUPEM Negeri sejak tahun 1999 dalam usaha jabatan untuk mewujudkan satu pangkalan data ukur kadaster secara berdigit dengan matlamat meningkatkan sistem penyampaian (*delivery system*) kepada pelanggan JUPEM. Semua data-data ukuran kelas satu dan kelas dua telah ditawan dan disimpan di dalam pangkalan data tersebut.

2.2 Walau bagaimana pun, data-data tersebut masih belum dapat memenuhi keperluan pengguna sepenuhnya maka JUPEM telah melaksanakan projek Peningkatan SPDK pada tahun 2002

dengan tujuan antara lainya, pembentukan lapisan tambahan pada modul *GIS Layer Management System (GLMS)*. Di antara lapisan maklumat adalah lapisan maklumat Permohonan Ukur (PU). Lapisan ini merupakan cartaan secara berdigit yang mengantikan kaedah cartaan secara konvensional (*manual*).

- 2.3 Untuk melengkapkan lapisan di atas dengan maklumat terkini, adalah perlu dimasukkan maklumat lot-lot yang akan diukur pada pelan pra-hitungan dari JTB dan pada masa yang sama bagi tujuan pengeluaran nombor lot melalui modul e-SRS.
- 2.4 Oleh yang demikian, JTB dikehendaki menyedia dan mengemukakan maklumat berdigit (*softcopy*) bagi lot-lot yang akan diukur pada pelan pra-hitungan di samping mengemukakan pelan pra-hitungan berbentuk kertas (*hardcopy*) kepada JUPEM Negeri semasa memohon nombor lot.

### **3. GARIS PANDUAN PENGHANTARAN DATA BERDIGIT PELAN PRA-HITUNGAN BAGI LOT-LOT YANG AKAN DIUKUR**

#### **3.1 Bentuk Pelan Pra-Hitungan**

Pelan pra-hitungan yang dimaksudkan pada pekeliling ini adalah pelan pra-hitungan yang disediakan mengikut takrifan dan prosedur-prosedur penyediaan mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia Bilangan 2 Tahun 1993.

#### **3.2 Format Data**

Format data berdigit maklumat lot-lot yang akan diukur di dalam pelan pra-hitungan yang dikemukakan hendaklah dalam format ASCII dan mengandungi fail-fail seperti yang seperti di **Lampiran "A"**.

#### **4. TATA CARA TINDAKAN JUPEM NEGERI SELEPAS PENERIMAAN DATA**

- 4.1 Semua pelan pra-hitungan yang diterima daripada JTB akan disemak terlebih dahulu bagi memastikan maklumat pada pelan tersebut lengkap dan tidak berlaku pertindihan lot yang hendak diukur dengan lot-lot yang bersebelahan dengannya. Pengesahan pertindihan ini ditentukan dengan pencartaan *digital perimeter* kawasan cadangan pada Syit Litho.
- 4.2 Tugas cartaan ini hendaklah menggunakan dan diuruskan melalui modul *Licensed Land Surveyor Module (LLSM)* yang dibekalkan.
- 4.3 Setelah semakan dijalankan dan disahkan tiada berlaku pertindihan sempadan maka data berdigit lot-lot yang akan diukur di dalam pelan pra-hitungan tersebut diposkan untuk tujuan kemaskini Lapisan Maklumat PU.
- 4.4 Melalui modul e-SRS, prosesan pendaftaran dan pengeluaran nombor lot dibuat dan seterusnya diedarkan kepada JTB berkenaan.
- 4.5 Proses penawanan data berdigit lot-lot yang akan diukur pada pelan pra-hitungan adalah seperti ditunjukkan pada carta aliran di **Lampiran "B"**.

#### **5. TARIKH BERKUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa **enam (6) bulan** mulai dari tarikh pengeluarannya.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**



**( DATO' HAMID BIN ALI )**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia

**Salinan kepada:**

**Edaran dalaman:**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster  
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

**Edaran luaran:**

Setiausaha  
Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia

**Data Structure Pre-Comp Plan (ASCII format)**

No	LOT			BOUNDARY			PU DETAILS		
	Field Desc.	Type (Char)	Null	Field Desc.	Type (Char)	Null	Field Desc.	Type (Char)	Null
1.	Negeri	2	N	Negeri	2	N	Negeri	2	N
2.	Daerah	2	N	Daerah	2	N	Daerah	2	N
3.	Mukim	2	N	Mukim	2	N	Mukim	2	N
4.	Seksyen	3	N	Seksyen	3	N	Seksyen	3	N
5.	PUNo	15	N	PUNo	15	N	PUNo	15	N
6.	PTNo	8	N	PTNo	8	N	LoNo	30	Y
7.	Lot	7	Y	Lot	7	Y	FileNo	30	N
8.	QTNo	16	Y	QTNo	16	Y	Area	16	Y
9.	UPI	16	Y	UPI	16	Y	Unit	2	Y
10.	PUQTKey	35	N	PUQTKey	35	N	SvyFees	10	Y
11.	Unit	2	N	MarkDescFrom	13	Y	LandUseCode	2	Y
12.	ApArea	16	Y	SerialFrom	10	Y	LandTitleCode	2	Y
13.	AreaCal	16	Y	NorthFrom	12	N	SijilAkaunNo	15	Y
14.				EastFrom	12	N	Remarks	12	Y
15.				Bearing	9 (deg.mmss)	Y			
16.				Distance	10	Y			
17.				Unit	2	N			
18.				MarkDescTo	13	Y			
19.				SerialTo	10	Y			
20.				NorthTo	12	N			
21.				EastTo	12	N			
22.				BearingCal	9 (deg.mmss)	Y			
23.				DistanceCal	10	Y			
24.				Class	2	N			
25.				LineCode	2	N			
26.				LineType	2	N			
Name	xxx.pul			xxx.pub			xxx.pud		

## CARTA ALIR PENAWANAN DATA DIGITAL LOT YANG AKAN DIUKUR DI DALAM PELAN PRA-HITUNGAN BAGI MEMBENTUK LAPISAN PU GLMS

